

**PROSIDING**  
**NARADATA**  
**2020**  
BAHASA, SASTERA & BUDAYA



**3 Disember 2020**

Penyelidikan Bahasa, Sastera & Budaya  
dalam Era Pandemik

Editor:

Ahmad Fuad Mat Hassan  
Khairul Faiz Alimi

Mashetoh Abd. Mutualib  
Maizatul Azura Yahya

Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

**E-Prosing**  
**NARADATA 2020**  
Bahasa, Sastera dan Budaya

Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya  
dalam Era Pandemik

**3 Disember 2020**

**PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH**  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**Editor**

Ahmad Fuad Mat Hassan  
Khairul Faiz Alimi  
Mashetoh Abd. Mutualib  
Maizatul Azura Yahya  
Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim



**PUSAT PENGAJIAN**  
**BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH**  
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY  
**Universiti Utara Malaysia**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah, Malaysia

Tel: +604928 5707  
Faks: +604928 5709  
E-mel: slcp@uum.edu.my  
Laman sesawang: <http://slcp.uum.edu.my/>

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam prosiding ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

eISBN 978-967-2486-38-1



Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

e-Prosiding NARADATA 2020: Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik, 3 Disember 2020

Editor: Ahmad Fuad Mat Hassan  
e-ISBN 978-967-2486-38-1

1. Bahasa
2. Sastera
3. Budaya
4. Era Pandemik

I. Ahmad Fuad Mat Hassan. II. NARADATA 2020: Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik/ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM

Editor:  
Ahmad Fuad Mat Hassan  
Khairul Faiz Alimi  
Mashetoh Abd. Mutualib  
Maizatul Azura Yahya  
Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim

Reka bentuk kulit:  
Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim

**NARADATA 2020: BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA**  
Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik 2020

**KATA PENGANTAR**

Jawatankuasa pengajur dengan suacitanya mengalu-alukan semua peserta ke Seminar Dalam Talian 2020 (NARADATA 2020). Seminar kali pertama ini dianjurkan oleh Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajaran Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Matlamat utama seminar adalah untuk memberikan peluang dan ruang kepada warga SLCP secara khusus dan UUM amnya serta ahli akademik dari institusi yang lain untuk berkongsi pandangan dan membentangkan dapatan kajian dalam bidang masing-masing bagi memperkuuh rentas bidang ilmu iaitu, bahasa, sastera dan budaya dalam era pandemik.

Setelah proses pemurnian, prosiding NARADATA 2020 berjaya mengumpulkan sejumlah makalah yang membincangkan pelbagai disiplin ilmu dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19. Makalah-makalah ini membincangkan isu penyelidikan bidang bahasa, sastera dan budaya dalam era pandemik termasuklah cabaran pengumpulan data lapangan, kaedah penyelidikan dan cabaran pembelajaran dalam era pandemik. Terdapat sebilangan makalah yang mengkhusus persoalan agama dan cabaran perniagaan dalam era pandemik.

Sebagai menutup kata, kami merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pimpinan universiti, pimpinan Pusat Pengajaran Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, para pembentang, pemakalah, dan peserta kerana telah berusaha keras untuk menjayakan seminar ini. Semoga usaha baik ini dapat meningkatkan perbincangan pelbagai disiplin ilmu terutama sekali dalam bidang bahasa, sastera dan budaya mengikut konteks semasa.

**Jawatankuasa Prosiding**

Seminar NARADATA 2020: Bahasa, Sastera dan Budaya  
Pusat Pengajaran Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok Kedah.

## ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	II
Isi Kandungan	III
Kajian Lapangan Dialek Melayu Dalam Era Pandemik Covid-19: Antara Penyesuaian Dan Hambatan <i>Tarmizi Hasrah</i>	1
Penyelidikan Bahasa Berasaskan Data Raya Era Pandemik <i>Hishamudin Isam</i>	8
Variasi Bahasa Dalam Teks Ucapan Pm <i>Ainal Akmar Haji Ahmad, Maizatul Azura Yahya &amp; Nasihah Hashim</i>	21
Pendekatan Psikolinguistik Dalam Pembelajaran Kanak-Kanak Prasekolah Di Era Pandemik Covid-19 <i>Marzalina Mansor</i>	28
Komunikasi Visual Dalam Infografik Khidmat Masyarakat Covid-19 Di Media Sosial <i>Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly, Nasihah Hashim &amp; Maizatul Azura Yahya</i>	35
Manfaatkan Kaedah 'Teroka Jumpa' Dalam Bidang Sosiolinguistik Di Era Pandemik <i>Mashetoh Abd. Mutalib</i>	45
Pendekatan Al-Quran Dalam Menghadapi Pandemik Covid-19 <i>Syed Sultan Bee Packeer Mohamed</i>	50
Terminologi Covid-19: Peristilahan & Penerimaan Masyarakat Di Laman Sosial <i>Mohamad Zakuan Tuan Ibharim</i>	58
Retorik Persuasif Dalam Teks Khutbah Era Pandemik Covid-19 <i>Nasihah Hashim, Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya &amp; Arina Johari</i>	67
Aplikasi Web 2.0 Untuk Keperluan Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Bagi Kursus-Kursus Teras Universiti Di Jabatan Tamadun Dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia Dalam Era Pandemik Covid-19 <i>Sharifah Ismail, Rukhaiyah Haji Abd Wahab &amp; Rafidah Mohamad Cusairi</i>	74
Analisis Wacana Sidang Media Covid-19 Kementerian Kesihatan Malaysia: Satu Perspektif Analisis Perbualan Sacks 1974 <i>Shamin Sharif &amp; Aniswal Abd Ghani</i>	81
Boleh Dipegang Boleh Ditundukkan: Mengkonkritkan Yang Abstrak Tentang Covid-19 Sebagai Peristiwa Berita <i>Rohizah Halim</i>	92
Cabarhan Pelajar Pengantar Penulisan Ketika Mengikuti Pembelajaran Maya Pada Era Pandemik <i>Khairul Faiz Alimi, Nur Azulia Kamarudin &amp; Rukhaiyah Haji Abd. Wahab</i>	103

Analisis Gaya Bahasa Penegasan Belanjawan 2021 Dalam Pasca Pandemik Covid-19 <i>Nor Hafidah Ibrahim</i>	114
Pengkajian Dan Penulisan Sejarah Era Pandemik: Terbantutkah? <i>Nor Azlah Sham Rambely &amp; Rashidah Mamat</i>	120
Petugas Barisan Hadapan Covid-19: Analisis <i>Rukhsah</i> Dalam Perlaksanaan Solat Fardu <i>Mohamad Khadafi Hj. Rofie, Syed Sultan Bee Packer Mohamed, Muhamad Amar Mahmad &amp; Nor Hanani Ismail</i>	133
Cabaran Dan Kesan Budaya Pembelajaran Maya Era Pandemik Terhadap Pelajar Kursus Kuantitatif <i>Nur Azulia Kamarudin, Rukhaiyah Haji Abd. Wahab &amp; Khairul Faiz Alimi</i>	143
Rekayasa Pendidikan Menangani Pandemik Covid-19 Menerusi <i>Engkaulah Adiwiraku</i> <i>Mohd Haniff Mohammad Yusoff &amp; Nadiatul Shakinah Abdul Rahman</i>	152
Impak Covid-19 Pandemik Terhadap Emosi Pelajar Falsafah Dan Isu Semasa <i>Rukhaiyah Haji Abd Wahab, Khairul Faiz Alimi &amp; Nur Azulia Kamarudin</i>	160
Isu Dan Cabaran Bagi Perniagaan Keluarga Muslim Sewaktu Pandemik Covid-19 <i>Syahrina Abdullah, Armanurah Mohamad &amp; Afifah Abu Yazid</i>	170
Pandemik Covid-19 Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Pelajar Asasi Di Universiti Utara Malaysia (UUM). <i>Haslinda Hj. Hasan &amp; Zulhilmi Paidi</i>	177
Berselindung Di Sebalik Seloroh: Implikatur Dalam Hantaran Facebook Unit Pendidikan Kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar Ketika Pandemik <i>Yusniza Yaakub</i>	184
Pandemik Dalam Karya Sastera: Ceritera Kehidupan Manusia <i>Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali &amp; Muhammad Wafi Ramli</i>	191

**NARADATA 2020: BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA**  
Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik 2020

**RETORIK PERSUASIF DALAM TEKS KHUTBAH ERA PANDEMIK COVID-19**

Nasihah Hashim <sup>1</sup>  
[h.nasihah@uum.edu.my](mailto:h.nasihah@uum.edu.my)

Ainal Akmar Ahmad <sup>2</sup>  
[ainal@uum.edu.my](mailto:ainal@uum.edu.my)

Maizatul Azura Yahya <sup>3</sup>  
[maizatul@uum.edu.my](mailto:maizatul@uum.edu.my)

Arina Johari <sup>4</sup>  
[arinair@iium.edu.my](mailto:arinair@iium.edu.my)

<sup>1, 2, 3</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
Universiti Utara Malaysia

<sup>4</sup> Kulliyyah of Languages and Management  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

---

**ABSTRAK**

Khutbah ialah medium dakwah yang disampaikan dalam bentuk ucapan lisan dan merupakan rukun dalam solat Jumaat. Khutbah merupakan medan penyampaian maklumat, peringatan, dan nasihat yang penting pada setiap minggu kepada masyarakat Islam. Salah satu strategi penyampaian khutbah yang baik ialah pemanfaatan retorik persuasif dalam sesuatu teks khutbah. Retorik persuasif dalam teks khutbah dapat mencerminkan usaha khatib untuk mempengaruhi para jemaah mempercayai, memahami nasihat dan tunjuk ajar seterusnya bertindak melakukan sesuatu kebaikan mengikut lunas-lunas ajaran Islam. Lazimnya teks khutbah diisi dengan nasihat-nasihat untuk menjalankan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Intipati sesuatu teks khutbah sudah pasti adalah seruan berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran. Selari dengan usaha pemimpin-pemimpin negara yang sedang mendepani krisis pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia tahun ini, khatib selaku pemimpin Islam juga turut bersama-sama berjuang menanganinya dengan kata-kata nasihat dan seruan untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19 di negara ini khususnya melalui khutbah Jumaat. Sehubungan itu, makalah ini akan membincangkan retorik persuasif khatib dalam mendepani krisis pandemik COVID-19 di Malaysia. Penelitian dijalankan terhadap teks khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dimuatkan dalam ruangan e-khutbah di laman web JAKIM, iaitu [www.jakim.gov.my](http://www.jakim.gov.my).

**Kata kunci:** retorik, persuasif, khatib, khutbah, pandemik COVID-19

## **PENGENALAN**

Wacana persuasif merupakan wacana yang bermatlamat mengajak khalayak pembaca atau pendengar melakukan atau menerima sesuatu. Wacana persuasif dapat dikenal pasti melalui ciri-ciri tertentu, iaitu 1) mempengaruhi khalayak dengan menyertakan alasan yang kukuh diikuti data dan fakta; 2) berusaha meyakinkan khalayak untuk melakukan atau mempercayai apa yang ditulis oleh penulis teks; 3) banyak menggunakan kata-kata ajakan seperti mari, ayuh; dan 4) menghindari konflik agar kepercayaan khalayak tidak hilang dan agar kesepakatan pendapat antara penulis dengan pembaca tercapai (Umi Yawisah, 2016). Mohd. Sidin Ahmad Ishak (1999) menyatakan dalam pemujukan (persuasif), penulis akan berusaha untuk mengubah pemikiran, kepercayaan dan perlakuan khalayak. Sementara itu, bagi sarjana komunikasi Burgon dan Huffner (2002) meringkaskan tentang konsep persuasif yang dinyatakan oleh sarjana-sarjana bidang komunikasi terdahulu kepada dua kesimpulan, iaitu persuasif sebagai satu proses komunikasi yang bertujuan mempengaruhi pemikiran dan pendapat orang lain agar bersepakat dengan komunikator, serta mengajak dan memujuk khalayak mengubah sikap, keyakinan dan pendapat sesuai dengan keinginan komunikator tanpa sebarang paksaan.

Mengikut Hunt (1992), terdapat empat strategi persuasif umum, iaitu penyatauan, keseimbangan, pengukuhan dan seruan untuk bertindak. Hunt (1992), strategi penyatauan dapat dilihat apabila perucap mengaitkan setiap fakta yang dikemukakan dengan idea, konsep, sebab akibat atau individu yang dipercaya dan disukai khalayak. Strategi keseimbangan pula digunakan dengan mengemukakan cadangan yang bertujuan mewujudkan keseimbangan kognitif. Sementara strategi pengukuhan pula ialah strategi yang mengkehendaki perucap mengemukakan idea, hujah, pendapat untuk mengukuhkan kepercayaan sedia ada pendengar, manakala strategi seruan untuk bertindak pastinya idea, pendapat atau cadangan yang mendesak pendengar mengubah perlakuan.

Antara wacana persuasif yang lazim ditemui ialah iklan, kempen, ucapan politik, propaganda dan khutbah. Khutbah dikategorikan dalam wacana persuasif kerana mampu mempengaruhi pendengar untuk mempercayai, mengikuti, mendidik dan bertindak melakukan kebaikan. Lazimnya khutbah mengandungi ajaran-ajaran Islam yang mengajak khalayak meningkatkan kualiti ketaqwaan kepada Allah dengan memahami dan mematuhi ajaran-ajaran Islam yang disampaikan, iaitu melakukan kebaikan dan menghindari kejahanan.

Oleh yang demikian, seseorang khatib seharusnya mampu menyusun isi-isi khutbahnya dengan gaya penulisan, bahasa dan strategi persuasif yang sesuai dan mampu menyampaikan sarana dengan baik dan efektif. Saputra (2011) menyebut bahawa terdapat tiga teknik yang biasa dilakukan oleh seseorang khatib mahupun pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya, iaitu mendidik, mengingatkan dan membangkitkan pemahaman pada pemikiran khalayak pendengar.

## **PERSUASIF KHATIB DALAM KHUTBAH**

Khutbah sebenarnya bukan hanya sebagai medium dakwah yang efektif kepada umat Islam, malah khutbah menjadi salah satu medium penyampaian maklumat, nasihat, peringatan dan ajakan yang penting kepada umat Islam khususnya. Dapatkan kajian menunjukkan teks khutbah yang dianalisis menerapkan retorik persuasif sebagai salah satu kaedah keberkesanan penyampaian khutbah. Sukarno (2013) juga mengakui bahawa penggunaan retorik pemujukan (persuasif) dalam teks khutbah mampu menarik minat hati-hati pendengar

untuk lebih mudah memahami maksud khutbah yang disampaikan. Hari ini teks khutbah juga didapati mengikut lumrah normal baharu penulisan khutbah dengan menerapkan ajakan, peringatan dan nasihat-nasihat berguna dalam mendepani krisis pandemik COVID-19 di negara ini. Hal ini selari dengan penjelasan Ghazali Darusalam dan Zaharah Hussain (2003) bahawa isi kandungan teks khutbah seharusnya menjurus ke arah isu dan permasalahan yang berlaku di kawasan setempat agar dapat menarik perhatian pendengar. Selaras dengan tujuan pensyariatannya, khutbah Jumaat juga seharusnya mampu memberi pedoman dan membentuk reaksi positif umat Islam dalam menilai, memahami dan menghadapi permasalahan semasa di dalam kehidupan (Rohaily @ Abd Rahman bin Abd Hamid, 2012).

Berdasarkan analisis, didapati bahawa hampir kesemua teks khutbah sepanjang pandemik COVID-19 sedikit sebanyak telah menyentuh tentang usaha-usaha untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di negara ini. Merujuk dapatan, strategi persuasif utama yang digunakan oleh khatib ialah strategi seruan untuk bertindak, iaitu menyeru dan mengingatkan para jemaah untuk terus mematuhi peraturan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh pihak kerajaan. Terdapat dua teknik seruan digunakan oleh khatib, iaitu teknik langsung dan teknik tidak langsung. Teknik seruan bertindak secara langsung dikenal pasti dengan adanya perkataan-perkataan ajakan, larangan dan peringatan, iaitu **marilah, usah, dan janganlah**. Misalnya:

**Contoh 1**

"Oleh itu, **marilah** bersama-sama wahai para jemaah sekelian untuk kita pertingkatkan pematuhan kepada SOP dan peraturan supaya kita tidak ditimpa musibah berulang. **Usah** alpa dan leka kerana perjuangan belum selesai."

(*Lazimi amalan kebajikan, tingkatkan pematuhan peraturan*, 31 Julai 2020)

**Contoh 2**

"Garis panduan dan ketetapan yang telah dibuat masih perlu dipatuhi. **Janganlah** kita bersikap sambil lewa."

(*Beringat sebelum mlarat*, 10 Julai 2020)

Berdasarkan contoh 1 dan 2, strategi persuasif seruan untuk bertindak mematuhi peraturan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh kerajaan jelas disertai dengan perkataan-perkataan yang menunjukkan ajakan dan larangan berbuat sesuatu tindakan, iaitu **marilah** (contoh 1), **usah** (contoh 1) dan **janganlah** (contoh 2). Dalam contoh 1 jelas menunjukkan secara langsung kata-kata seruan khatib **marilah bersama-sama wahai para jemaah sekelian** digunakan untuk menyeru semua jemaah agar mempertingkatkan pematuhan kepada SOP dan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan musibah berulang. Kata **marilah** merupakan kata yang digunakan untuk mengajak orang berbuat sesuatu (Kamus Dewan, 2015). Kata larangan **usah** (contoh 1) digunakan oleh khatib untuk menyeru para jemaah agar tidak lupa dan leka mengekang penularan wabak COVID-19 ini. Sementara kata larangan **janganlah** (contoh 2) pula digunakan khatib untuk mengingatkan para jemaah agar tidak bersikap sambil lewa terhadap garis panduan dan ketetapan yang dibuat oleh kerajaan.

Selain itu, analisis kajian juga mendapati khatib menggunakan strategi persuasif seruan untuk bertindak secara tidak langsung. Strategi ini memperlihatkan seruan tanpa menggunakan perkataan-perkataan ajakan, larangan atau peringatan sebaliknya hanya ditandai dengan kata-kata nasihat untuk melakukan sesuatu tindakan yang boleh menangani penularan

wabak COVID-19 di negara ini. Dalam strategi ini khatib menggunakan teknik memberi nasihat dan cadangan serta menggunakan doa dan memberi penghargaan. Dapatan ini dapat dilihat melalui contoh-contoh berikut:

Contoh 3

"Justeru, **seharusnya kita tetap bertahan dan kuat melawan pandemik wabak ini** dengan **terus mematuhi segala arahan oleh pihak pemerintah.**"  
(Kesukaran dan Kemudahan , 22 Mei 2020)

Contoh 4

"**Kita semua masih mempunyai tanggungjawab yang besar** dalam usaha memerangi pandemik itu. **Kita harus mempertingkatkan kawalan kendiri dan dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).**"

(Data anda masa depan kita, 17 Julai 2020)

Contoh 3 dan 4 di atas memperlihatkan strategi persuasif seruan untuk bertindak mematuhi peraturan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh pihak kerajaan sebagai usaha untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Strategi ini dapat dikenal pasti dengan adanya unsur nasihat yang mengesyorkan sesuatu tindakan yang perlu dilakukan oleh para jemaah, iaitu **seharusnya kita tetap bertahan dan kuat melawan pandemik ini** (contoh 3), terus **mematuhi segala arahan oleh pihak pemerintah** (contoh 3), **Kita semua masih mempunyai tanggungjawab yang besar** (contoh 4), **kita harus mempertingkatkan kawalan kendiri dan dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**(contoh 4). Kata-kata nasihat untuk melakukan sesuatu tindakan oleh khatib sedikit sebanyak dapat memotivaskan para jemaah khususnya untuk terus berusaha mengekang penularan wabak COVID-19 di samping mengurangkan kesan krisis pandemik kepada masyarakat.

Selain nasihat meminta jemaah untuk mematuhi arahan pihak berkuasa khatib juga mengesyorkan kepada para jemaah tindakan-tindakan lain bersandarkan ajaran-ajaran Islam yang boleh dilakukan dalam usaha mendepani krisis pandemik COVID-19. Dapatan ini jelas menunjukkan peranan khatib bukan hanya sekadar berdakwah mengajak ke arah kebaikan tetapi juga harus bijak memberi pandangan, cadangan atau buah fikiran jalan penyelesaian kepada permasalahan yang timbul. Hal ini selari dengan dapatan kajian Cicik Nur Afiqah (2019) bahawa seseorang khatib seharusnya mempunyai pengetahuan yang cukup sehingga mampu menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku di sekeliling mereka. Strategi ini dapat diperlihatkan dalam contoh-contoh berikut:

Contoh 5

"Teruskan **beristighfar** dan **dekatkan diri** dengan Allah SWT dan serta **tetapkan disiplin** kendiri dengan **menjaga** kebersihan dan **menuruti** segala garis panduan yang telah ditetapkan, nescaya kita akan berjaya."

(Di Ambang Kejayaan ,19 Jun 2020)

Contoh 6

"**Marilah** kita bersama-sama **mengimarahkan** kembali masjid-masjid dan dalam masa yang sama mematuhi garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan di setiap masjid."

(Imarahkan Masjid, 26 Jun 2020)

Contoh 5 dan contoh 6 memperlihatkan khatib mengesyorkan para jemaah untuk mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah dan melakukan kebaikan sebagai salah satu cara untuk menangani penularan wabak COVID-19. Strategi ini dapat dilihat dengan adanya ayat-ayat cadangan yang diutarakan oleh khatib, iaitu **teruskan beristighfar** (contoh 5), **dekatkan diri dengan Allah** (contoh 5), **tetapkan disiplin kendiri** (contoh 5) dan **mengimarahkan kembali masjid-masjid** (contoh 6). Cadangan-cadangan yang diutarakan oleh khatib akan memberi petunjuk dan panduan kepada para jemaah tindakan-tindakan berlandaskan ajaran-ajaran Islam yang seharusnya dilakukan ketika mendepani krisis pandemik COVID-19.

Analisis kajian juga memperlihatkan strategi seruan untuk bertindak secara tidak langsung oleh khatib menggunakan teknik berdoa memohon bantuan Allah SWT. Menurut Abdul Ganng Laengkang (2018) dalam khutbah Jumaat, doa sangat penting bagi mendapatkan keberkatan, kebaikan dunia dan akhirat, dan tempat memohon keampunan daripada Allah SWT.

**Contoh 7**

"**Mudah-mudahan** dengan kepatuhan, ketaatan dan usaha kita ini akan membantu perjuangan ini dan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT. Insya Allah."

(*Lazimi amalan kebajikan, tingkatkan pematuhan peraturan*, 31 Julai 2020)

**Contoh 8**

"Ya Allah! **Kurniakanlah kepada kami** kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya COVID-19."

(*Lazimi amalan kebajikan, tingkatkan pematuhan peraturan*, 31 Julai 2020)

Contoh 7 dan 8 yang berikut, jelas menunjukkan doa yang dibaca oleh khatib memohon pertolongan Allah SWT agar dilindungi dan selamat daripada wabak COVID-19. Kata-kata yang menggambarkan permohonan atau rayuan, iaitu **mudah-mudahan** (contoh 7) dan **kurniakanlah** (contoh 8) menandai teknik doa tersebut. Dengan menggunakan teknik doa khatib berjaya memujuk hati para pendengar agar kembali kepada kekuasaan Allah SWT dalam apa juga perkara yang dilakukan dan keadaan semasa.

Hasil kajian juga mendapati bahawa khatib menggunakan strategi persuasif seruan untuk bertindak dengan cara memberi penghargaan. Merujuk kajian ini, khatib menyampaikan penghargaan kepada barisan hadapan negara yang bertungkus lumus menangani penularan wabak COVID-19 sekali gus mengajak para jemaah bersama-sama memberi penghargaan. Selain itu, apa yang lebih utama khatib menyatakan rasa syukur dan mengajak para jemaah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah sepanjang menghadapi krisis pandemik COVID-19 di negara ini. Dapatkan ini diperlihatkan dalam contoh 9 dan 10 yang berikut:

**Contoh 9**

Khatib ingin mengambil kesempatan ini untuk **mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan** kepada semua petugas barisan hadapan yang mengorbankan masa dan tenaga untuk melindungi kita semua dari pandemik wabak COVID-19. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan yang telah mereka berikan sangat besar dan patut disanjung tinggi.

(*Muhasabah dengan musibah*, 12 Jun 2020)

Contoh 10

Dalam suasana kita masih lagi berhadapan dengan wabak COVID-19. Kita seharusnya **mensyukuri segala nikmat dan peluang** yang telah diberikan oleh Allah SWT. Cuba bandingkan antara nikmat Allah SWT dengan ujian yang diberi.

(*Bijak memanfaat peluang*, 7 Ogos 2020)

Contoh 9 memperlihatkan khatib memberi penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan yang berkorban dan berjasa melindungi masyarakat Malaysia khususnya dari pandemik COVID-19. Luahan penghargaan ini mempamerkan sokongan dan penghargaan atas pengorbanan serta rasa puas hati khatib terhadap pencapaian petugas barisan hadapan. Sementara bagi contoh 10 khatib menyeru para jemaah untuk bersama-sama mensyukuri nikmat dan peluang yang diberikan oleh Allah SWT terlindung daripada pandemik wabak COVID-19. Rasa syukur dan seruan mensyukuri pemberian Allah ini secara tidak langsung mencerminkan sikap rendah diri khatib terhadap kekuasaan Allah yang sentiasa melindunginya dari wabak COVID-19.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini dapat memperlihatkan strategi persuasif yang digunakan oleh khatib dalam khutbahnya sepanjang pandemik penularan wabak COVID-19 di negara ini. Berdasarkan lapan teks khutbah yang dianalisis, khatib mengadaptasikan strategi persuasif seruan untuk bertindak secara langsung dan tidak langsung. Seruan secara tidak langsung disampaikan oleh khatib dengan menggunakan teknik memberi nasihat, cadangan, doa dan penghargaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa teks khutbah Jumaat memainkan peranan yang penting dalam memberi penjelasan dan pemahaman kepada masyarakat ketika berhadapan dengan isu dan polemik semasa. Khutbah Jumaat bukan sekadar menjadi medan untuk menyampaikan mesej agama kepada umat Islam tetapi juga berperanan sebagai panduan agama terhadap permasalahan yang timbul dalam kehidupan masyarakat Islam khususnya. Oleh itu, teks khutbah Jumaat perlu dihasilkan dengan baik dan berkesan bagi memastikan ia menepati semua rukun dan bersesuaian dengan kehendak semasa. Secara tidak langsung hasil kajian ini juga dapat mencerminkan bahawa khatib turut mengambil peranan dalam menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini. Sejakar dengan peranan tersebut, khatib haruslah sentiasa peka dengan permasalahan semasa umat Islam khususnya, agar dapat menyampaikan khutbah berserta nasihat, panduan dan saranan agama seterusnya menyeru umat Islam untuk bertindak melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Sekali gus, usaha ini secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat Islam yang berinformasi dan sentiasa peka dengan situasi semasa dan bertindak selaras dengan maklumat yang diperoleh melalui khutbah Jumaat yang diperdengarkan setiap minggu.


## RUJUKAN

- Abdul Ganing Laengkang. (2018). Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan warisan Selangor*, 2(1). 1-18.
- Burton & Huffner. (2002). *Human Communication*. London: Sage Publication
- Cicik Nur Afiqah. (2019). *Khutbah Jum'at persuasif H. Ahmad Zahro di masjid Nasional al Akbar Surabaya*. Tesis Sarjana.

**NARADATA 2020: BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA**  
Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik 2020

- Ghazali Darusalam & Zaharah Hussain. (2003). Kajian keberkesanan penyampaian khutbah Jumaat di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam Norrodzoh @ Nor Raudah Siren & Yusnini Md Yusoff (Eds.). *Membangun institusi masjid* (hlmn.175-199). Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Hunt, G. T.(1992). *Perucapan umum*. Asiah Sarji dan Mohd Nordin (Penterj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 10 Julai). *Beringat sebelum mlarat*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 12 Jun). *Muhasabah dengan musibah*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 17 Julai). *Data anda masa depan kita*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 19 Jun). *Di Ambang Kejayaan*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 22 Mei). *Kesukaran dan Kemudahan*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 26 Jun). *Imarahkan Masjid*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 31 Julai). *Lazimi amalan kebaikan, tingkatkan pematuhan peraturan*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, 7 Ogos). *Bijak memanfaat peluang*.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (1999). *Keterampilan menuis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaily @ Abd Rahman bin Abd Hamid. (2012) *Teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI): Kajian tentang metode dan cabaran penyediaannya*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Saputra. (2011). *Pengantar ilmu dakwah*. Jakarta: PT Raja Gravindo Perkasa
- Sukarno. (2013). Retorik persuasi sebagai upaya mempengaruhi jemaah pada teks khotbah Juma'at. *Jurnal Humaniora*, 25 (2). 215-227.
- Umi Yawisah. (2016). *Wacana persuasif pada teks khotbah Jumat*. Laporan penyelidikan yang tidak diterbitkan.

eISBN 978-967-2486-38-1



9 789672 486381